

Pirus (kanan) dan Yusop menunjukkan timbunan guni berisi tinja ayam di tebing Sungai Bernam.

Bau tinja ayam 'siksa' penduduk

Dibuang berguni-guni di tebing Sungai Bernam

HULU BERNAM - Beberapa buah kampung di Sungai Selisek terancam pencemaran bau busuk, gangguan langau dan pencemaran sungai berikutan perbuatan pembuangan sisa tinja ayam di tebing Sungai Bernam di sempadan Kampung Kelawar, Perak.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Serigala, Pirus Abdul Aziz berkata, pencemaran tersebut dipercayai berlaku sejak beberapa bulan lalu tetapi hanya disedari selepas seorang kaki pancing menemui longgokan guni tinja ayam di kawasan tersebut.

"Penduduk Kampung Serigala

paling teruk terganggu dengan bau busuk selain berhadapan gangguan langau sebab paling hampir dengan tempat pembuangan tinja ayam tu.

"Kampung ini hanya dipisahkan dengan Sungai Bernam jadi bau busuk itu mudah sampai bila di bawa angin. Langau dan lalat juga sudah semakin banyak," katanya selepas meninjau tempat pembuangan tinja ayam di Kampung Kelawar.

Tinjauan itu dilakukan bersama Pengerusi JKKK Kampung Selisek, Yusop Yaacob yang turut mengadu mengenai masalah tersebut.

Pirus berkata, antara kampung yang turut mengalami pencemaran bau dan gangguan langau adalah

“Jadi, bila ada aduan dari kaki pancing yang terjumpa longgokan beratus guni berisi tinja ayam di tebing Sungai Bernam, kita percaya itulah punca masalahnya.”

Pirus

Kampung Masjid, Kampung Sekolah dan Kampung Sungai Nilam.

Kaki pancing bongkar punca bau busuk

Menurutnya, aduan penduduk



Yusop menunjukkan kedudukan tinja ayam yang dilonggokkan di tebing Sungai Bernam.

mengenai pencemaran bau busuk dan gangguan langau sudah lama disuarakan namun belum diketahui puncanya.

"Jadi, bila ada aduan dari kaki pancing yang terjumpa longgokan beratus guni berisi tinja ayam di tebing Sungai Bernam, kita percaya itulah punca masalahnya.

"Penduduk mengadu, mungkin ada guni dibuang terus ke sungai sebab ada yang jumpa cebisan guni dihanyutkan air. Kalau ini berlaku mungkin penduduk di pinggir Sungai Bernam berdepan risiko ancaman kesihatan," katanya.

Menurutnya, tempat pembuangan dan longgokan tinja ayam itu berada di tebing sungai di Kampung Kelawar dan air sungai mengalir melalui Kampung Serigala, Kampung Sekolah, Kampung Masjid dan Kampung Sungai Nilam.

Katanya, jika pencemaran air berlaku berkemungkinan air yang disedut daripada rumah pam terletak di Kampung Masjid turut tercemar

sekali gus beri kesan buruk kepada pengguna.

Tiga tempat jadi pusat pembuangan tinja ayam

Tinjauan *Sinar Harian* ke Kampung Kelawar mendapati terdapat tiga kawasan menjadi tempat pembuangan sisa tinja ayam, iaitu dua di tebing Sungai Bernam dan satu di kawasan bekas lombong.

Katanya, ratusan guni dilonggokkan di dua kawasan di tebing sungai manakala pembuangan terus ke dalam kawasan bekas lombong dilakukan dengan menimbusnya menggunakan tanah.

Namun, tindakan kurang bijak dilakukan kerana timbunan itu tidak sempurna. Lebih memmeranjatkan apabila ia dibuang berhampiran tanaman rumput untuk makanan ternakan lembu.

Justeru, pihak berkuasa dan agensi terlibat digesa menangani masalah ini dan beri tindakan tegas terhadap pihak yang bertanggungjawab.



Tinja ayam dibuang terus ke dalam bekas lombong di Kampung Kelawar.